



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA



Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Taklimat Sebut Harga
<b>SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGUJILARI PENGGANTIAN PERKAKASAN ICT BAGI KEGUNAAN BERNAMA</b>  <b>NO. RUJUKAN : BER/SH/04/2026</b>	<b>210101</b> <b>210102</b> <b>210103</b>	<b>24 April 2026</b> <b>(Jumaat)</b> <b>jam 12.00 tengah hari</b>  Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	<b>16 April 2026</b> <b>(Khamis)</b>  <b>(Kehadiran digalakkan)</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **16 April 2026 (Khamis)** selepas sesi taklimat di laman web Myvendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi sebut harga ini.

Satu sesi taklimat akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah digalakkan. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 16 April 2026 (Khamis)  
 Masa : 10.30 pagi  
 Tempat : Taklimat secara atas talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut Harga) dan diemelkan kepada Urus Setia Perolehan seperti di atas selewat-lewatnya sebelum 16 April 2026 (Khamis).

Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Syarikat juga wajib mengemukakan tawaran tersebut secara atas talian di laman web Myvendor BERNAMA dan secara manual dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, 24 April 2026 (Jumaat) di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan**  
**Tingkat 6, Wisma BERNAMA**  
**28, Jalan BERNAMA,**  
**Off Jalan Tun Razak,**  
**50400 Kuala Lumpur**  
**(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)**  
**No Tel : 03-2631 1685**  
**E-mel : haniiah.ahya@bernama.com**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.